

16 APR 1996

UMNO - Larian

WAN MOKHTAR SERTAI LARIAN BENDERA JUBLI EMAS UMNO

KUALA TERENGGANU, 16 April (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad adalah antara 1,000 peserta yang akan mengambil bahagian dalam larian bendera sempena sambutan Jubli Emas UMNO pada 3 Mei ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO negeri Ahmad Said hari ini berkata larian itu akan bermula di sempadan Terengganu-Kelantan di Bukit Yong selepas Pemangku Badan Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Annuar Musa menyerahkan bendera UMNO kepada Wan Mokhtar.

"Wan Mokhtar akan menerima bendera UMNO daripada Annuar yang kemudian akan diarak hingga ke Kemaman," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat larian itu di sini.

Ahmad berkata para pemimpin tertinggi, pergerakan pemuda dan wanita UMNO juga akan menyambut ketibaan bendera dari UMNO Kelantan di sempadan itu.

Dari Bukit Yong, bendera itu akan dibawa ke daerah Setiu, Kuala Terengganu, Dungun dan Kemaman sebelum Wan Mokhtar menyerahkannya pula kepada Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob di sempadan Terengganu-Pahang pada 6 Mei.

Beliau berkata perarakan bendera itu daripada Pahang akan berakhir di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Mei.

Ahmad berkata kira-kira 5,000 orang akan menyertai larian Jubli Emas UMNO di padang rekreasi Batu Buruk pada 17 Mei.

Menurutnya larian itu terbahagi kepada remaja, veteran dan orang kenamaan. Hadiah utama akan diberikan dalam bentuk wang tunai dan barangan.

Larian itu terbuka kepada orang ramai dan borang-borang penyertaan akan dikeluarkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Negeri tidak lama lagi.

Katanya Badan Perhubungan UMNO Terengganu memberi mandat kepada Pergerakan Pemuda UMNO Negeri untuk menganjurkan kedua-dua larian itu bagi memeriahkan sambutan Jubli Emas UMNO di negeri ini. -- BERNAMA

IB NAK